

30 JAN 1999

WEF-ASIA

SACHS: MASA GETIR DI ASIA SUDAH BERLALU

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS, 30 Jan (Bernama) -- Professor Jeffrey Sachs dari Harvard University berkata masa getir bagi Asia sudahpun berlalu dan kini benua itu menuju ke arah pemulihan.

Sachs, yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF), berkata Asia mungkin bukannya tempat yang terbaik untuk melabur sekarang jika dibandingkan dengan tiga empat tahun lalu tetapi ia masih berdaya saing dan terdapat beberapa tempat menarik untuk pelaburan.

Beliau berpendapat Thailand dan Korea Selatan kelihatan mencapai kemajuan dengan mengurangkan hutang jangka pendek serta menyusun semula bank-bank masing-masing.

Bagi Indonesia, katanya, negara tersebut mungkin memantul sekiranya terdapat perubahan politik yang licin pada pilihanraya akan datang dan perpaduan sosial.

Merujuk pada Malaysia pula, katanya ia seharusnya membangunkan kepakaran saintifik serta kejuruteraannya agar menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan global.

Pembangunan sektor berasaskan ilmu pengetahuan akan membolehkan negara itu maju ke hadapan, katanya.

Dalam hal ini, kerajaan Malaysia sedang berusaha keras untuk membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), program kelebihan yang menggunakan pekerja-pekerja yang berasaskan ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam telah berkata bahawa kerajaan tidak akan mengurangkan pembiayaan untuk MSC meskipun kesan krisis kewangan dirasakan.

-- BERNAMA

SHY MA